



اَوْنِيُوْ رَسِيْتِي تِي كُونُو لُو كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN BESTARI (Pindaan 2022)

Unit Perolehan Geran (UPG)
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8257/8259
Faks : (+603) 5544 8280



اَوْنِيُوْ رَسِيْتِي تِي كُونُو لُو كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan Bestari	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	5
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Pemantauan Penyelidikan	6
8.0 Keberhasilan Penyelidikan	7

**FALSAFAH, VISI DAN MISI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

FALSAFAH

Every individual has the ability to attain excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values so as to become professional graduates capable of developing knowledge, self, society and nation

VISI

To establish UiTM as a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship

MISI

To lead the development of agile, profesional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
GERAN PENYELIDIKAN BESTARI**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penyelidikan BESTARI diwujudkan untuk pemerkasaan penyelidikan bagi peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan berinovasi ke arah pengkomersialan pada jangka masa panjang dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi Globally Renowned University (GRU) 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.
- 1.2 Geran ini bertujuan untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan tanpa sempadan di kalangan denominator.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek Geran Penyelidikan BESTARI adalah berjumlah maksimum RM100,000.00 (S&T) dan RM60,000.00 (SS) untuk tempoh dua (2) tahun.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama adalah staf akademik tetap / kontrak di UiTM Selangor berumur 45 tahun dan ke bawah.
- 3.2 Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa dan berkelayakan sekurang-kurangnya PhD atau setara.
- 3.3 Ketua Penyelidik mestilah penyelidik yang aktif menghasilkan sekurang-kurangnya 1 jurnal berkuartil Q1 (JCR) dalam tempoh dua (2) tahun kebelakang sebagai penulis utama.
- 3.4 Ketua Penyelidik mestilah merupakan Penyelia Utama/Bersama kepada pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) yang aktif.
- 3.5 Ketua Penyelidik sedang cuti belajar perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baru di kalangan penyelidik bersama projek tersebut.
- 3.6 Staf akademik sedang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi boleh menjadi penyelidik bersama kepada projek tersebut.
- 3.7 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama UiTM mestilah menyumbang sekurang-kurangnya RM20.00 sebulan sepanjang tempoh geran kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi UiTM (TAPIU).

- 3.8 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik dua (2) hingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik dengan sekurang-kurangnya seorang penyelidik antarabangsa.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM 1,500 bagi pelajar sarjana dan RM 1,800 bagi pelajar kedoktoran.
- 4.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4 Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 4.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak) adalah tidak dibenarkan. Pembelian adalah untuk kegunaan geran penyelidikan ini sahaja.
- 4.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik pascasiswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.
- 4.7 Hanya Ketua Penyelidik atau ahli geran penyelidikan sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan geran penyelidikan ini perlu dilakukan melalui sistem atas talian *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* <https://prime.uitm.edu.my>.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1** Permohonan Geran Penyelidikan Bestari akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI.
- 6.2** Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPI kepada Ketua Penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.3** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani surat terima tawaran yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1** Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 7.2** Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (PRIME).
- 7.3** Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 7.4** Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang telah dipersetujui semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.
- 7.5** Kegagalan memenuhi perkara 7.2 hingga 7.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.6** Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem PRIME sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan.
- 7.7** Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian (PRIME) dengan keperluan justifikasi yang kukuh dan hanya boleh dilakukan di dalam tempoh 6 bulan pertama projek berlangsung.
- 7.8** Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan

selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.

- 7.9** Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 7.10** Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017.

8.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN

- 8.1** Penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya tiga (3) jurnal Q1/Q2 (JCR) bersama penyelidik antarabangsa (joint publication).
- 8.2** Penghargaan kepada geran BESTARI mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.